



BANTU...Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim (kiri) menyemak dokumen Maslinda yang mendaftar di UMP semalam.

Maslinda azam jadi jurutera

KUANTAN: Azam yang tinggi mahu menjadi jurutera pertama di kalangan masyarakat Orang Asli di kampungnya mendorong Maslinda Samad, 20, melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan pembuatan di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Maslinda juga individu pertama daripada 200 keluarga penduduk di Perkampungan Orang Asli Pos Celanak dekat Cameron Highlands yang berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Selain itu, Maslinda turut melakar sejarah UMP apabila menjadi pelajar pertama daripada masyarakat Orang Asli yang diterima masuk ke universiti itu.

Menurut Maslinda, cita-citanya menjadi jurutera su-

dah terpendam sejak di bangku sekolah lagi, namun hasratnya melanjutkan pelajaran selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2005 tidak kesampaian berikutan keputusan yang tidak cemerlang.

"Bagaimanapun, saya meneruskan usaha belajar dengan menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ahmad Shah, Cameron Highlands kerana yakin dengan kelulusan STPM persaingan memasuki universiti lebih mudah berbanding SPM.

"Saya pilih UMP kerana ia satu-satunya universiti ditubuhkan di Pahang walaupun ada universiti lain yang turut menawarkan program kejuruteraan," katanya.

H/M (sefempat)

Khanis 3/7/08 98:23